

JUDUL : Kosmo

TARIKH : Selasa, 20 Jun 2017

M/S : 14

1 juta peserta ikuti program #MalaysiaNgaji anjuran PNM

KUALA LUMPUR - Kira-kira 1 juta peserta menyertai program #MalaysiaNgaji yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perpustakaan Awam Negeri secara serentak di seluruh negara semalam.

Program tersebut merupakan kesinambungan dari program Malaysia#QuranHour yang menyaksikan bacaan ayat suci al-Quran beramai-ramai yang berlangsung di seluruh negara bermula pukul 12 tengah hari hingga 1 petang.

Ketua Pengarahnya, Datuk Nafisah Ahmad berkata, program tersebut adalah usaha PNM bagi menjadikan al-Quran sebagai budaya dalam masyarakat.

"Program ini telah memasuki tahun kedua penganjurannya apabila kali pertama diadakan



SEBAHAGIAN daripada 800 pelajar yang menyertai program #MalaysiaNgaji anjuran PNM di Kuala Lumpur semalam.

pada 29 Jun tahun lalu dengan penyertaan seramai 739,645 peserta.

"Ia dijalankan secara serentak di seluruh negara dan disertai oleh pelajar sekolah dan agensi kerajaan yang berkaitan," kata-

nya pada majlis perasmian program tersebut yang disertai 800 peserta di dewan utama PNM.

Turut hadir Pengerusi Persekutuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam, Datin Rodziah Akasah.